

## **ASWARA TERBIT KOLEKSI PUISI MENGENANG TUN ABDUL RAZAK**

---

Date: 10-03-2010

Author: / NTHY TCL ROS

### **ASWARA-BUKU**

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Sebuah buku yang mengumpulkan puisi-  
puisi pemenang dan puisi pilihan daripada Sayembara Menulis Puisi Mengenang Tun  
Abdul

Razak 2009 anjuran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) telah  
diterbitkan bagi mengenang dan menyanjung jasa bekas perdana menteri itu.

Dekan Falkulti Penulisan Aswara, Datuk Dr Anwar Ridhwan berkata dalam  
satu

kenyataan, buku berjudul "Tun Abdul Razak: Antologi Puisi Kenangan" itu  
mengandungi 128 halaman dan akan dijual dengan harga RM19.90.

Buku itu boleh dibeli melalui pos dengan mengirinkan sama ada cek  
bank atau bank draf atau wang pos atas nama "AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN  
KEBANGSAAN' bernilai RM19.90 dan dialamatkan kepada Penyelaras Falkulti  
Penulisan, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, 464 Jalan Tun Ismail,  
50480 Kuala Lumpur.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan Fakulti  
Pendidikan,

Universiti Putra Malaysia, Shamsudin Othman memenangi pertandingan itu dengan  
puisinya "Lelaki Mawar Di Puncak Tamadun" bagi kategori Dewasa.

Para pemenang kategori lain termasuk Zulfazlan Jumrah dengan puisi  
berjudul

"Nakhoda Bangsa II" bagi kategori institusi pendidikan tinggi awam dan  
swasta.

Juara bagi kategori sekolah menengah pula adalah Aimi Nur Syahirah Mohd  
Aimi

Zaimi bagi puisi "Tun Abdul Razak: Legasi Patriot Bangsa".

-- BERNAMA